



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) SUKU TAHUNAN
SUKU KEDUA 2019

QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
SECOND QUARTER 2019

*Jabatan Perancangan dan
Kemajuan Ekonomi
Kementerian Kewangan dan
Ekonomi
Negara Brunei Darussalam*

*Department of Economic Planning and
Development
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*




SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN
SUKU KEDUA 2019


NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAJUK UTAMA:
EKONOMI NEGARA PULIH DENGAN KDNK MENINGKAT 6.7 PERATUS
PADA SUKU TAHUN KEDUA 2019

1. Pada suku kedua 2019, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah berjumlah BND4.7 bilion berbanding BND4.6 bilion pada Q2 2018. Sektor Minyak & Gas yang bernilai BND2.9 bilion telah menyumbang 60.5 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar.
2. Pada harga tetap, KDNK pada Q2 2019 meningkat sebanyak 6.7 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan terutamanya dalam Sektor Minyak & Gas sebanyak 8.7 peratus. Manakala, Sektor Bukan Minyak & Gas meningkat sebanyak 4.1 peratus.



3. Peningkatan dalam Sektor Minyak & Gas adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah daripada 97.6 ribu tong sehari pada Q2 2018 kepada 115.0 ribu tong sehari pada Q2 2019. Pengeluaran gas asli juga meningkat daripada 32.0 juta meter padu sehari pada Q2 2018 kepada 34.3 juta meter padu sehari pada Q2 2019. Pengeluaran Gas Cecair Asli [*Liquefied Natural Gas* (LNG)] juga mencatatkan peningkatan daripada 880,696 MMBtu sehari pada Q2 2018 kepada 984,284 MMBtu sehari pada Q2 2019.
4. Peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak & Gas adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Kewangan sebanyak 21.8 peratus berikutan peningkatan pendapatan pelaburan yang berkaitan dengan aktiviti perkhidmatan perbankan.
5. Mengikut jenis kegiatan ekonomi, pertumbuhan positif tahun-ke-tahun pada suku kedua 2019 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Sektor Industri sebanyak 7.7 peratus. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah, gas asli dan LNG serta peningkatan dalam Subsektor Elektrik dan Air.
6. Sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 5.1 peratus. Antaralain, ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Kewangan, Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit dan Subsektor Pendidikan.
7. Sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus berikutan peningkatan dalam pengeluaran Subsektor Perhutanan, Subsektor Perikanan dan Subsektor Ternakan. Subsektor Perhutanan berkembang selaras dengan peningkatan dalam pengeluaran kayu gergaji. Manakala, peningkatan industri penangkapan ikan secara komersil menjadi penyumbang utama peningkatan dalam Subsektor Perikanan. Peningkatan dalam Sektor Ternakan adalah disebabkan peningkatan dalam pengeluaran kerbau, lembu dan kambing serta pengeluaran telur.



8. Mengikut pendekatan perbelanjaan, peningkatan KDNK adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan permintaan luar iaitu eksport barangan dan perkhidmatan sebanyak 35.1 peratus tahun-ke-tahun. Manakala, permintaan dalam negeri mencatatkan pertumbuhan, khususnya perbelanjaan kapital sektor swasta berkembang sebanyak 18.0 peratus tahun-ke-tahun, setelah meningkat sebanyak 9.3 peratus pada suku sebelumnya.
9. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Kedua 2019 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY


QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT
SECOND QUARTER 2019

BRUNEI DARUSSALAM


MAIN HEADLINE:

ECONOMY RECOVERS AS GDP GREW BY 6.7 PER CENT IN Q2 2019

- In the second quarter of 2019, Brunei Darussalam's gross domestic product (GDP) at current prices was valued at BND4.7 billion compared to BND4.6 billion in Q2 2018. The Oil & Gas sector was valued at BND2.9 billion accounting for 60.5 per cent of the total gross value added (GVA).*
- At constant prices, GDP recorded positive growth of 6.7 per cent year-on-year in Q2 2019. The growth was mainly associated by an increase in the Oil & Gas sector by 8.7 per cent. On the other hand, the Non-Oil & Gas sector increased by 4.1 per cent.*



3. *The increase in the Oil & Gas sector was mainly due to an increase in production of crude oil from 97.6 thousand barrels per day in Q2 2018 to 115.0 thousand barrels per day in Q2 2019. Natural gas production also recorded an increase from 32.0 million cubic metres per day to 34.3 million cubic metres per day in the same period of time. Liquefied Natural Gas (LNG) production also recorded an increase from 880,696 MMBtu per day in Q2 2018 to 984,284 MMBtu per day in Q2 2019.*
4. *The growth in the Non-Oil & Gas sector was mainly due to an increase in the Finance Subsector by 21.8 per cent attributed by an increase in investment income related to banking services' activities.*
5. *By Kind of Economic Activity, the positive performance of the economy in the second quarter 2019 was due to an increase in the Industry Sector by 7.7 per cent. This was mainly due to the increase in production of crude oil, natural gas and LNG; and an increase in the Electricity and Water Subsector.*
6. *The Services Sector was recorded an increase of 5.1 per cent. This growth was due to the increases in the Finance Subsector, Wholesale and Retail Trade Subsector, and Education Subsector.*
7. *The Agriculture, Forestry & Fishery Sector also recorded an increase of 0.3 per cent due to an increase in the output of the Forestry Subsector, Fishery Subsector and Livestock & Poultry Subsector. Higher production of sawn timber was the main contributor to the increase in the Forestry Subsector. Meanwhile, the increase in the Fishery Subsector was mainly contributed by an increase in the commercial scale capture industry. The increase in the Livestock & Poultry Subsector was in line with an increase in the production of buffaloes, cattle and goats and the production of eggs.*



8. *By expenditure approach, GDP recorded an increase mainly due to an increase in the external demand (exports of goods and services) by 35.1 per cent. On the other hand, domestic demand registered positive growth, particularly capital expenditure of the private sector private, which grew by 18.0 per cent, after a 9.3 per cent growth in Q1 2019.*

9. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the Second Quarter of 2019 is available from DEPD's website: www.depd.gov.bn*